PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
Tingkat 6, Wisma Sri Pahang,
25592 Kuantan.
Tel.: 09-512 6800 Fax.: 09-513 4839
Kawat: 'TREASURER' E-mail: pkn@pahang.gov.my

QUALITY SYSTEM SIRIM STANDARDS MALAYSIA MS ISO/IEC 17021 : 2006 QS 02121999 CB 01
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361
QUALITY SYSTEM SIRIM CERTIFIED IQNet MANAGEMENT SYSTEM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361

Ruj. Kami : Perb.Phg.06/001/47 ( 7 )
Tarikh : 18 April 2016
10 Rejab 1437H

**KEPADA SEMUA KETUA JABATAN NEGERI**

YH. Dato' Sri/YH. Dato'/Tuan,

**PINDAAN 1PP/PK2/ PERENGGAN 5 MENGENAI HAD NILAI PEROLEHAN KERJA-KERJA REQUISITION**

Adalah dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah mengemaskini perincian bagi perenggan 5 mengenai Had Nilai Perolehan Kerja-kerja Requistion dalam PK2- Kaedah Perolehan Kerajaan. Justeru, bersama-sama ini dikemukakan lampiran berhubung perkara di atas untuk rujukan YH. Dato' Sri/YH. Dato'/Tuan selanjutnya.

3. Perhatian dan kerjasama YH. Dato' Sri/YH. Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( NIK MUNIRAH BINTI MUHD NUR )**
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
b.p PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

s.k.: YB Pegawai Kewangan Negeri
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

Hanis/Perolehan

(a) keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

**Had Nilai Perolehan Kerja-Kerja *Requisition***

(i) Had nilai kerja-kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Harga adalah sehingga RM50,000 sahaja dan hendaklah dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.

(ii) Kerja bangunan/awam yang dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Bangunan/Awam hendaklah dilaksanakan di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau PPK dan sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(iii) Kerja elektrik yang dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Elektrik hendaklah dilaksanakan di kalangan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK atau PPK dan sijil PUKONSA (di Sabah) atau sijil PPK dan sijil UPKJ (di Sarawak) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(iv) Bagi kerja undian Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

(v) Bagi kerja-kerja *requisition* yang melebihi RM50,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bangunan/awam/elektrik yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK atau mempunyai PPK serta sijil PUKONSA atau PPK serta UPKJ dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

**Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Unit Audit Dalam Agensi**

(vi) Bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, peranan Pegawai Pengawal adalah penting dalam memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepenuhnya:-

(a) Merancang perolehan tahunan agensi dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga atau tender;

**SENARAI EDARAN**

1) Pejabat KDYMM Sultan Pahang
2) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan
3) Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
4) Jabatan Kerja Raya Negeri
5) Jabatan Perhutanan Negeri
6) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
7) Jabatan Pertanian Negeri
8) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
9) Jabatan Agama Islam Negeri
10) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri
11) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
12) Pejabat Pembangunan Negeri Pahang
13) Jabatan Mufti Negeri Pahang
14)Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
15) Pejabat Daerah dan Tanah Bentong
16) Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands
17) Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
18) Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
19) Pejabat Daerah dan Tanah Lipis
20) Pejabat Daerah dan Tanah Pekan
21) Pejabat Daerah dan Tanah Raub
22) Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh
23) Pejabat Daerah dan Tanah Rompin
24) Pejabat Daerah dan Tanah Maran
25) Pejabat Daerah dan Tanah Bera
26) Pejabat Tanah dan Galian Negeri
27) Jabatan Mineral dan Geosains